

## SIDANG REDAKSI

Pengarang Eksekutif Kanan  
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif Komersial dan  
Ehwal Semasa  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Eksekutif Berita dan Digital  
M Thillanadan

Pengarang Eksekutif Pengeluaran  
Azhar A. Samah

Pengarang Kandungan BM  
Vertikal Pendidikan  
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan  
Mohd Zin Mohd Ali  
Basir Zahrom

Wartawan  
Nor Azma Laila  
Nas Norziela Nasbah  
Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Eksekutif  
Ahmad Zulkifli Yahaya  
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan  
Tel: 1300226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan  
Tel: 1300226787 samb 5108  
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN  
Jabatan Pengedaran dan Jualan  
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur  
E-mel: educationNSD@  
mediaprima.com.my  
Samb: 7755  
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my atau  
Balai Berita,  
31, Jalan Riong, 59100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

# Penyelidikan universiti pemangkin kemajuan negara

**Kuala Lumpur:** Bidang penyelidikan dan pembangunan memainkan peranan yang besar dalam memperkasakan 'nation building' supaya negara kekal relevan dalam menempuh alaf baharu dengan pelbagai peneuman terkini.

Penyelidikan juga adalah teras utama dalam kemajuan universiti kerana tanpa penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran pelajar siswazah akan berada pada aras mendatar.

Pada masa ini, kerajaan memberi fokus kepada empat bidang strategik iaitu *Industry 4.0*, *FinTech in Islamic Finance*, *Health and Wellness* dan *Halal Supply Chain*.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Ir Dr Abdul Rahman Mohamed, berkata universiti adalah pemangkin kepada kemajuan negara dan USM sebagai satu daripada lima Universiti Penyelidikan (RU) di Malaysia harus menyokong dan sehaluan dengan fokus yang ditetapkan oleh kerajaan.

Katanya, USM turut melihat kepada bidang penyelidikan yang memberi impak secara langsung kepada komuniti sejagat dan perkembangan industri negara dalam menyelesaikan permasalahan global bagi menjamin kelestarian serta meningkatkan kualiti hidup manusia.

"Hala tuju USM pada tahun ini akan bertumpu kepada penyelidikan yang memberi impak kepada komuniti dan industri selain memastikan semua aktiviti penyelidikan perlu menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Dalam kemajuan teknologi yang sentiasa progresif, USM mengambil pelbagai langkah untuk memperkasakan penyelidikannya termasuklah mewujudkan Open Access Collaboration dengan pihak industri demi merencanakan lagi penyelidikan di mana makmal penyelidikan USM dibuka untuk kegunaan penyelidikan dan pembangunan oleh pihak industri," katanya.

Beliau berkata, selain itu, USM turut menggalakkan tenaga akademik untuk bersama-sama dengan industri melalui program *Staff Attachment*, di mana penyelidik akan ditempatkan di industri selama setahun.

USM juga mengambil langkah mendapatkan dana luar secara 'crowd funding' dari pihak luar



Prof Abdul Rahman Mohamed



Prof Zulkifli Idrus

untuk melaksanakan program berteraskan pemerikasaan komuniti seperti Kementerian Pendidikan (KPM) melalui geran Translational Research (Tr@M), *Public-Private Research Network* (PPRN) serta agensi yang lain seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan juga Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Prof Abdul Rahman berkata, tidak dinafikan USM berdepan dengan kekangan kewangan dalam menjalankan penyelidikan dan masalah itu bukan saja dihadapi oleh universiti tetapi juga kebanyakan institusi di Malaysia.

"Oleh itu, USM mengambil langkah proaktif dan selektif di mana hanya penyelidikan memberi impak tinggi, mempunyai nilai inovasi yang boleh dikomersialkan atau memberi pulangan besar kepada masyarakat akan diberi keutamaan untuk pembiayaan.

"Bagi mengatasi masalah ke-

kangan peruntukan itu, universiti mengambil langkah menggalakkan *multi-disciplinary and multi-institutional collaboration* dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan," katanya.

Bagi membantu pelajar pascasiswazah dalam menjalankan penyelidikan masing-masing, USM turut menawarkan skim zalmah siswazah melalui Institut Pengajian Siswazah iaitu pembiayaan kepada pelajar bagi meneruskan pengajian pascasiswazah (Sarjana / PhD).

Selain daripada itu, geran penyelidikan yang ditawarkan oleh universiti turut boleh digunakan untuk membayar pelajar bagi meneruskan pengajian pascasiswazah (Sarjana / PhD).

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Zulkifli Idrus, berkata selepas 15 tahun transformasi penubuhan lima RU dibuat, pelbagai perubahan dapat dilihat hasil daripada

transformasi RU katanya, perubahan itu termasuklah meletakkan ranking universiti di mata dunia dan lebih banyak produk inovasi berjaya dikomersialkan sekali gus memberikan pendapatan kepada universiti.

"Di UPM, sebanyak 211 teknologi sudah berjaya dilesen dan dikomersialkan yang mana 103 daripadanya adalah produk berkaitan pertanian kerana meskipun sudah menukar nama, tetapi bidang tujahan utama UPM tetap adalah pertanian.

"Dari segi penjana pula, sebanyak RM64 juta berjaya diperoleh daripada hasil pengkomersialan produk berkenaan dan lebih RM40 juta adalah hasil daripada produk inovasi berkaitan pertanian," katanya.

Beliau berkata, tahun ini UPM akan terus memberi tumpuan kepada usaha memantapkan lagi aspek penyelidikan dalam bidang pertanian terutama kepada penyelidikan translational.

"Pada masa yang sama, kita juga tidak boleh mengabaikan 'fundamental research' dan penerbitan berimpak tinggi yang turut membantu memperkenalkan universiti di persada dunia.

"Selain itu, UPM juga akan turut memberi penekanan kepada 'market driven research' yang memerlukan kerjasama dua pihak iaitu universiti dan industri sekali gus berharap ia dapat membantu mengurangkan bebanan dana penyelidikan yang terpaksa ditanggung oleh universiti ketika ini," katanya.



Kajian dan penyelidikan teras utama kemajuan universiti.